

# Pensyarah UMS terima Anugerah Antarabangsa



DR. HASSANAL bersama anugerah yang dimenangi.

**KUALA LUMPUR:** Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, menerima anugerah antarabangsa, The Golden Globe Tigers 2016: Anugerah Kepimpinan Kecemerlangan dalam Inovasi Sosial.

Dr. Hassanal terpilih menerima anugerah itu daripada Gabungan Perniagaan Asia atas penglibatannya dalam pelbagai program berkaitan dengan kemampanan seperti ekopelancongan berasaskan komuniti dan yang terbaru aktif dalam usaha ke arah kelestarian kampus UMS.

Beliau ketika ditemui berkata sangat terkejut pada awalnya kerana tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk menjadi penerima anugerah berprestij dan bertaraf antarabangsa itu.

"Selama ini saya melakukan usaha-usaha berkaitan dengan kelestarian ini dengan ikhlas dan saya tidak sangka usaha ini mendapat tumpuan.

"Saya berterima kasih kerana mempunyai rakan-rakan sekerja dan keluarga yang sentiasa menjadi pendorong agar sentiasa membuat yang



DR. HASSANAL menerima anugerah.

terbaik dalam pekerjaan. Terlebih kepada pihak UMS dimana karier saya berkembang dan memajukan diri sekali gus medan memperlihatkan kemahiran dalam bidang saya," katanya.

Dr. Hassanal menerima anugerah itu dalam satu majlis di Pullman

Kuala Lumpur City Centre Hotel dan Residences, di sini pada Isnin.

Anugerah di bawah kategori Inovasi Sosial itu mengiktiraf individu yang percaya bahawa kecemerlangan tidak mempunyai batas dan boleh membentuk takdir masa depan dunia.